

# Pakar UPM bantu petani

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) memainkan peranan untuk memajukan teknologi pertanian kepada petani di negara ini.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar berkata, kekuatan UPM dalam bidang pertanian yang menjurus kepada inovasi dan bioteknologi mampu mendidik petani dalam mengubah sistem pertanian dengan penggunaan teknologi moden.

"Ini akan meningkatkan taraf hidup dan membantu menggiatkan proses memudahkan teknologi kepada petani menerajui sektor pertanian negara bersesuaian perkembangan ekonomi negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada program Juara Rakyat Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bersama Pakar Pertanian UPM di Tanjong Karang, Selangor baru-baru ini. sini.

Program anjuran Pusat Pengembangan, Keusahawanan dan Pemajuan Profesional (APEEC) UPM dengan kerjasama kementerian terbabit membawa pakar dari UPM terus ke lapangan untuk bersama masyarakat setempat bagi mengenal pasti masalah pertanian penduduk Tanjong Karang.

Sementara itu, Naib Canselor UPM, Prof. Datuk



MAHERAN ABD AZIZ


Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata, program yang dijalankan di Tanjong Karang itu merupakan siri kelima selepas Temerloh, Pahang; Jeli, Kelantan; Batu Pahat; Johor dan Pekan di Pahang.

"Hari terbuka ini merupakan program khidmat masyarakat (CSR) UPM secari pengembangan pertanian untuk mendekati masyarakat terutamanya petani, penternak dan usahawan tani secara langsung.

"Program ini membolehkan UPM untuk memperkenalkan hasil penemuan penyelidikan dan teknologi yang sedia ada kepada petani dan usahawan tani supaya ia dimanfaatkan bagi memantapkan program pembangunan pertanian secara keseluruhannya," katanya.

Pakar Pertanian UPM, Prof. Madya Dr. Maheran Abd Aziz daripada Jabatan Teknologi Pertanian, Fakulti Pertanian berkata, ramai petani berminat dengan teknologi kultur tisu kerana teknik moden tersebut dapat mempercepatkan proses tumbesaran tanaman konvensional seperti pisang.

"Bagi melaksanakan teknologi itu, petani harus mempunyai makmal kecil bagi menempatkan tanaman kultur tisu sebelum dipindahkan ke ladang. Walau bagaimanapun kos



PETANI mendengar nasihat daripada pensyarah UPM pada program Juara Rakyat Kementerian Bersama Pakar Pertanian UPM di Tanjong Karang, Selangor, baru-baru ini.

melaksanakan projek ini menelan belanja sekurang-kurangnya RM50,000.

"Diharapkan masalah kos ini dapat diselesaikan dengan pendekatan terbaik seperti bantuan dana, subsidi atau pinjaman di samping membimbing petani supaya teknologi ini dapat diaplikasikan sepenuhnya," katanya.

Program hari terbuka itu dihadiri lebih 1,000 peserta, kebanyakannya daripada

golongan petani, usahawan tani dan penduduk kampung.

Klinik pakar UPM yang disediakan ialah sains tanaman, perniagaan tani, akuakultur, perlindungan tumbuhan dan teknologi pertanian.

Bidang lain termasuk kesuburan dan pengurusan tanah, ayam dan pemakanan haiwan, perubahan akuatik, perubahan ruminan dan teknologi makanan.